



AAZ GLOBAL SDN. BHD. (849358-U)

No. 12-1, Jalan Temenggung 17/9, Seksyen 9,
Bandar Mahkota Cheras,
43200 Cheras, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-9074 1825 Fax : 03-9074 0397

21 Mei 2026

Pegawai Latihan
Hubungan Industri

PER: PERMOHONAN BAGI PELAJAR LATIHAN INDUSTRI BAGI PENGAMBILAN TAHUN 2026-2027.

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan, syarikat kami adalah 100% Bumiputera yang terletak di Bandar Mahkota Cheras, Selangor ingin menawarkan syarikat kami untuk dijadikan tempat Latihan Industri kepada pelajar yang berminat. Berikut adalah kriteria pelajar yang diperlukan:

Pelatih Perempuan:

Latar belakang: Mempunyai pengetahuan dalam bidang Pengurusan/ Pengurusan Pejabat/Pemasaran/Akaun dan lain-lain bidang yang berkaitan. (Pentadbiran)

Pelatih Lelaki:

Latar belakang: Mempunyai pengetahuan dalam bidang Mekanikal & Elektrikal (Penghawa Dingin/Penyaman Udara, Pencegah Kebakaran, atau lain-lain pengetahuan dalam bidang Mekanikal dan Elektrikal yang berkaitan. (Juruteknik)

3. Sehubungan itu, pihak kami akan menawarkan elaun kepada pelajar sebanyak RM 600-RM 700 sebulan). Selain itu, pihak syarikat turut menyediakan kemudahan **asrama** bagi kemudahan **pelatih lelaki** sahaja.

4. Mana-mana pelajar yang berminat, mereka boleh mengemukakan resume dan butiran yang lain kepada kami melalui e-mail: aazglobal@gmail.com atau melalui **faks: 03-90740397**. Sebarang maklumat lanjut sila hubungi Puan Jannah di talian **017-623 5257**.

Pihak kami amat berbesar hati sekiranya pihak tuan dapat mengambil maklum akan perkara ini dan kerjasama daripada pihak tuan kami ucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
AAZ GLOBAL SDN BHD

